

Berita Harian Oktober 2017

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
1.	Isnin, 2 Oktober 2017	Pegawai bank ditahan pecah amanah RM3.46j	Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd
2.	Selasa, 3 Oktober 2017	Terima suapan bekas penolong pegawai tadbir direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
3.	Khamis, 5 Oktober 2017	KKLW sedia beri kerjasama kepada SPMR	MENTERI Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
4.	Jumaat, 6 Oktober 2017	5 dicekup SPMR	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5.	Jumaat, 6 Oktober 2017	Bekas pegawai kanan kementerian direman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
6.	Sabtu, 7 Oktober 2017	SPRM siasat 350 projek di Sabah, ke mana RM1.5 bilion	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
7.	Ahad, 8 Oktober 2017	Loji air Semporna antara disiasat SPMR	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
8.	Ahad, 8 Oktober 2017	Rasuah kuota beras: 2 kontraktor diarah bela diri	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
9.	Ahad, 8 Oktober 2017	Sokong SPMR siasat kes seleweng dana awam di Sabah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
10.	Isnin, 9 Oktober 2017	Buka siasatan hasil 'Watergate' Sabah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
11.	Isnin, 9 Oktober 2017	3 ditahan SPMR di Sabah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
12.	Isnin, 9 Oktober 2017	Sarjan polis wanita didakwa rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
13.	Isnin, 9 Oktober 2017	Pelakon bergelar Datuk direman lagi	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
14.	Selasa, 10 Oktober 2017	Ahli politik tiba untuk perintah reman	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
15.	Selasa, 10 Oktober 2017	Penjawat awam terbabit rasuah meningkat di Terengganu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
16.	Selasa, 10 Oktober 2017	Kerajaan belanja RM178.9b untuk kesihatan - PM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
17.	Jumaat, 13 Oktober 2017	Penyelewengan dana di Sabah: GAUM beri maklumat baharu	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
18.	Sabtu, 14 Oktober 2017	RM70 juta bina Politeknik Kota Belud	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
19.	Selasa, 17 Oktober 2017	Kontraktor baharu dilantik siapkan hospital 'sakit'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
20.	Selasa, 17 Oktober 2017	Bongkar khazanah warisan bawah laut	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
21.	Khamis, 19 Oktober 2017	Kerajaan perkenal Strategi 'Cloud First'	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
22.	Jumaat, 20 Oktober 2017	Jawatankuasa saring kontraktor projek sakit ditubuh	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
23.	Sabtu, 21 Oktober 2017	Kerajaan cadang CDERT diperluas di Sabah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
24.	Selasa, 24 Oktober 2017	Isu SK Pulau Seduku terbengkalai: SPM kumpul maklumat	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
25.	Selasa, 24 Oktober 2017	1MDB selesaikan perjanjian berat sebelah: PM	1Malaysia Development Berhad (1MDB)

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan
26.	Rabu, 25 Oktober	2 lelaki, 1 wanita ditahan SPRM di Selangor	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
27.	Khamis, 26 Oktober 2017	Sekolah tidak siap: SPRM buka kertas siasatan	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
28.	Khamis, 26 Oktober 2017	Direman beri projek bekal cenderahati	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
29.	Jumaat, 27 Oktober 2017	Kakitangan TNB ditahan SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
30.	Ahad, 29 Oktober 2017	Peruntukan terbesar MARA bukti komitmen kerajaan	Pengerusi MARA, Datuk Dr Awang Adek Hussin
31.	Ahad, 29 Oktober 2017	Sabah terima peruntukan terbanyak	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan
32.	Selasa, 31 Oktober	Ekonomi digital sumbang 18.2 peratus KDNK	Menteri di Jabatan Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan



1. Pegawai bank ditahan pecah amanah RM3.46j

JOHOR BAHRU: Seorang pegawai sebuah bank di bandar raya ini ditahan polis selepas dipercayai terbabit dengan kegiatan pecah amanah dan penyelewengan bernilai RM3.46 juta.

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd Khalil Kader Mohd, berkata suspek 28 tahun ditahan di sekitar bandar raya ini, Khamis lalu.

Katanya, polis menerima laporan berkaitan satu penyelewengan barang, gadaian emas pelanggan yang membabitkan pegawai di sebuah institusi kewangan tempatan pada jam 10.23 malam, Khamis lalu.

"Polis membuat tindakan susulan dengan segera terhadap laporan polis itu dan kira-kira sejam selepas itu polis berjaya menahan suspek di sekitar bandar raya ini.

"Suspek seorang lelaki berusia 28 tahun itu dipercayai individu yang melakukan kesalahan pecah amanah jenayah berkenaan.

"Susulan penahanan lelaki itu, polis berjaya menemui semula dan merampas barang kemas bernilai hampir RM2 juta yang digadai suspek di beberapa premis pajak gadai dan institusi kewangan sekitar bandar raya ini dan Melaka," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Mohd Khalil berkata, kes disiasat mengikut Seksyen 408 Kanun Keseksaan yang membawa hukuman penjara sehingga 14 tahun, sebat dan denda, jika sabit kesalahan.

"Suspek dijangka dituduh di mahkamah di sini esok mengikut kesalahan Seksyen 408 Kanun Keseksaan.

"Polis Diraja Malaysia (PDRM) juga ingin menasihatkan kepada institusi kewangan dan syarikat untuk membuat pemeriksaan yang lebih ketat terhadap pekerja mereka terutamanya membabitkan transaksi kewangan serta barang berharga.

"Institusi kewangan juga perlu tegas dalam kawalan prosedur kerja, pengauditan syarikat dan sebagainya supaya tidak mudah berlaku kejadian kes pecah amanah jenayah membabitkan kakitangan mereka," katanya.



BEKAS penolong pegawai tadbir APBM Port Dickson (tengah) diiringi anggota SPRM ke Mahkamah Majistret Port Dickson kerana disyaki menerima suapan berjumlah RM800 daripada pengarah sebuah syarikat pelancongan

2. Terima suapan bekas penolong pegawai tadbir direman

PORT DICKSON: Seorang bekas penolong pegawai tadbir Akademi Pembangunan Belia Malaysia (APBM) di sini, yang dipercayai menerima rasuah sebanyak RM800 direman lima hari, mulai hari ini.

Perintah tahanan reman itu dikeluarkan oleh Majistret Siti Khairiah Abd Razak, selepas permohonan dikemukakan oleh Pegawai Pendakwa Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Fadzlin Mohd Salleh.

Tahanan reman itu membolehkan SPRM menjalankan siasatan mengikut Akta SPRM 2009 terhadap wanita berusia 32 tahun itu.

Suspek yang memakai baju kurung berwarna hijau, tiba di mahkamah pada jam 9.30 pagi sebelum permohonan reman dibuat pada jam 11.30 pagi.

Sumber berkata, wanita itu ditahan oleh SPRM kira-kira jam 3.35 petang semalam, di pejabat SPRM di sini.

Katanya, suspek dipercayai menerima wang suapan berjumlah RM800 daripada seorang pengarah syarikat pelancongan di daerah ini untuk memperakulkan baucar bayaran bagi program pemantapan organisasi APBM 2016.

"Siasatan awal mendapati bayaran itu dimasukkan ke akaun milik suspek," katanya.



MENTERI Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

3. KKLW sedia beri kerjasama kepada SPRM

PUTRAJAYA: Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah sedia memberi kerjasama sepenuhnya kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung siasatan kes salah guna kuasa dan penyelewengan dana RM100 juta untuk penganjuran program kebajikan rakyat.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, pihaknya bersedia menyerahkan segala maklumat yang diperlukan SPRM berhubung siasatan kes berkenaan.

"Saya difahamkan, ia membabitkan kes lama, bagaimanapun, walaupun ia kes lama, tetapi mungkin fail berkaitan ada di kementerian ini. Jika SPRM memerlukan fail atau lain-lain perkara kita akan serahkan.

"Apa saja yang diperlukan SPRM kita akan serahkan," katanya pada sidang media ketika ditemui di sini, hari ini.

Media hari ini melaporkan SPRM membekukan sembilan akaun bank bernilai RM151 juta bagi membantu siasatan berhubung kes salah guna kuasa dan penyelewengan dana RM100 juta daripada peruntukan penganjuran program kebajikan rakyat.

Difahamkan, penyelewangan itu didapati berlaku membabitkan kira-kira 10 projek di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah beberapa tahun lalu.

Terdahulu, Ismail Sabri menyampaikan kutipan berjumlah RM230,043 hasil sumbangan peribadinya, kakitangan, agensi serta jabatan di bawah kementerian berkenaan kepada waris dan pelajar

Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Jalan Keramat Hujung, Kuala Lumpur yang terbabit dalam tragedi kebakaran pada 14 September lalu sehingga meragut 23 nyawa.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata program pemeriksaan pendawaian elektrik secara percuma kepada pusat tahfiz di seluruh negara anjuran GiatMara dijangka dapat dilaksanakan selepas Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selesai melakukan pemeriksaan keselamatan yang dijangka sebelum akhir bulan ini.

"Sebelum ini kabinet sudah mengarahkan pihak bomba untuk membuat pemeriksaan keselamatan keseluruhan di setiap pusat tahfiz termasuk pintu, tangga, laluan masuk.

"Jadi kita tunggu hasil siasatan dan pegawai GiatMara bersedia pada bila-bila masa untuk membuat pendawaian elektrik semula sekiranya terdapat keperluan di pusat tahfiz yang berkenaan berdasarkan laporan yang dikeluarkan JBPM.

"Saya difahamkan ada lagi kementerian lain yang bersedia bersama-sama untuk membuat pendawaian semula sekiranya diperlukan," katanya.

Sebelum ini, Kabinet mengarahkan JBPM untuk menjalankan siasatan terhadap semua pusat tahfiz di seluruh negara bagi mengelakkan kejadian Pusaf Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah berulang selain memastikan semua pusat tahfiz mematuhi piawaian yang telah digariskan.

4. 5 dicekup SPRM

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan dua pegawai sebuah pihak berkuasa tempatan (PBT) dan tiga kontraktor kerana dipercayai menyeleweng dan salahlaku rasuah berkaitan tiga projek pembaikan dan pemasangan lampu jalan.

Menurut sumber, suspek dipercayai memperakui kerja siap berhubung kerja-kerja segera bagi pemasangan lampu di beberapa lokasi di Ampang, namun kerja itu sebenarnya tidak dilaksanakan.

Sumber berkata, dalam kes pertama pada Februari lalu, seorang penolong jurutera berusia 35 tahun dikatakan memperakui kerja penyelenggaraan yang dilakukan sebuah syarikat kontraktor elektrik bernilai RM19,500.

"Bayaran sudah dibuat kepada syarikat kontraktor itu, namun kerja-kerja itu tidak dilaksanakan. Hasil siasatan mendapati wang itu kemudiannya disalurkan kepada sebuah akaun syarikat lain dipercayai mempunyai kaitan dengan salah seorang suspek.

"Dalam kes itu, dua individu yang masing-masing berusia 32 tahun turut ditahan dan kesemua suspek ditangkap sekitar jam 3 petang tadi di Klang," katanya.

Sementara itu dalam kes kedua, seorang penolong jurutera berusia 34 tahun dikesan memperakui kerja siap bagi dua projek membaiki kerosakan lampu jalan di Ampang antara bulan Jun hingga November 2016.

"Antara bulan Oktober 2016 hingga bulan November 2016, suspek itu memperakui kerja siap berhubung projek membaiki kerosakan lampu jalan di dua lokasi yang masing-masing bernilai RM19,600 dan RM19,500.

"Antara bulan Jun 2016 hingga Julai 2016 pula, penolong jurutera itu turut memperakui kerja siap berhubung pemasangan lampu jalan di sekitar Dusun Bandar Taman Kosas, Ampang bernilai RM19,700.

"Kedua-dua bayaran itu sudah dibuat kepada syarikat kontraktor elektrik tetapi siasatan mendapati ia disalurkan kepada sebuah lagi akaun syarikat milik jurutera itu," katanya.

Sumber berkata, dalam kes sama, seorang lagi suspek berusia 43 tahun ditahan juga di Klang.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramli Wan Abdullah ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu dan berkata kesemua suspek akan direman di Mahkamah Majistret Klang, pagi esok.



BEKAS timbalan setiausaha bahagian sebuah kementerian (kanan) direman enam hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana bernilai hampir RM180 juta.

5. Bekas pegawai kanan kementerian direman

PUTRAJAYA: Bekas timbalan setiausaha bahagian sebuah kementerian direman enam hari bagi membantu siasatan penyelewengan dana bernilai hampir RM180 juta.

Wanita berusia 40 tahun itu adalah antara tiga individu yang ditahan semalam, bagi membantu siasatan kes berkenaan.

Dia ditahan di ibu pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jam 8.15 malam tadi.

Perintah reman dikeluarkan Majistret Aida Khairuleen Azli di Mahkamah Majistret di sini, hari ini.

Dua lagi yang ditahan di pejabat SPM Sabah semalam ialah pemimpin Kanan Parti Warisan Sabah dan ahli perniagaan berusia 52 tahun.

Setakat ini, SPM sudah membekukan akaun bank bernilai hampir RM180 juta milik lebih 10 syarikat di Sabah bagi membantu siasatan kes terbabit.

6. SPRM siasat 350 projek di Sabah, ke mana RM1.5 bilion

KUALA LUMPUR: Sebanyak 350 projek Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) di sembilan daerah di Sabah berada dalam radar siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung kes penyelewengan dana awam bernilai RM1.5 bilion.

Projek itu yang dilaksanakan dalam tempoh 2010 hingga 2016, dilaksanakan di Kota Kinabalu, Kudat, Kota Belud, Ranau, Beaufort, Keningau, Lahad Datu, Tawau dan Sandakan.

Projek berkenaan berkaitan pembangunan infrastruktur air, elektrik serta jalan raya yang membabitkan dana awam lebih RM7.5 bilion.

Bagi projek bekalan air, dipercayai 170 projek ditawarkan membabitkan kos RM2 bilion, manakala 163 projek lagi membabitkan kerja infrastruktur jalan raya (RM3.2 bilion) dan 17 projek bekalan elektrik (RM2.19 bilion).

Dari pada keseluruhan dana awam itu, SPRM menganggarkan RM1.5 bilion diselewengkan.

BH turut difahamkan, dalam pelaksanaan keseluruhan pembangunan infrastruktur itu, kementerian turut melantik lebih 260 syarikat untuk melaksanakan projek terbabit.

Bagaimanapun, siasatan awal mendapati kira-kira 65 syarikat dikesan berkemungkinan memperoleh projek secara meragukan termasuk memperoleh lebih daripada dua projek.

Akibat penyelewengan itu, ada projek yang berkemungkinan tidak disiapkan secara betul serta tidak mengikut spesifikasi sehingga membebankan golongan sasar khususnya orang miskin di daerah berkenaan.

Kelmanin, SPRM mendedahkan 60 syarikat sudah dikenal pasti terbabit dalam penyelewangan itu yang membabitkan RM1.5 bilion dana awam.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, dilaporkan berkata projek yang dilaksanakan tidak sempurna dan dilihat mempunyai isu rasuah.

Sementara itu, Azam ketika dihubungi BH malam ini, berkata pihaknya sedang mengesan ke mana wang RM1.5 bilion yang diseleweng dibelanjakan.

"Siasatan kami sedang melihat kepada ketirisan penggunaan dana awam yang disediakan kerajaan Pusat kepada Sabah bagi projek infrastruktur air, elektrik dan jalan raya. Setakat ini, hanya itu saja siasatan yang sedang dilaksana SPRM," katanya.

Azam berkata, seramai 32 saksi yang merangkumi pelbagai latar belakang termasuk pemilik syarikat yang disiasat berhubung kes berkenaan dikenal pasti untuk membantu siasatan.

Bagaimanapun, katanya, tiada tangkapan dan rampasan baharu dilakukan dan proses siasatan terhadap semua syarikat yang dikenal pasti masih giat dilakukan.

"Hampir semua daripada 60 syarikat yang dikenal pasti terbabit projek pembangunan luar bandar dalam kes ini sudah kita masuk, namun kita masih mengesan jika ada lagi syarikat lain yang terbabit," katanya.

7. Loji air Semporna antara disiasat SPRM

KOTA KINABALU: Projek dibina di lokasi yang tidak sesuai hingga terbiar selepas disiapkan tanpa memberi apa-apa manfaat kepada rakyat, dikesan dalam siasatan berhubung penyelewengan dana awam luar bandar di Sabah.

Projek pembinaan sebuah loji air bernilai RM45 juta di Semporna itu tidak dapat berfungsi disebabkan sungai cetek yang mengakibatkan sumber air tidak mencukupi.

Malah, struktur loji itu dibina dua kali selepas yang asal dirobohkan apabila didapati tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan.

Loji berkenaan kini menjadi 'gajah putih' dan jelas satu pembaziran yang tidak sewajarnya berlaku apabila gagal memberi kemudahan kepada penduduk luar bandar yang sepatutnya menikmati hasilnya.

Sumber Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan projek berkenaan adalah antara yang mendapat perhatian agensi itu dalam siasatan penyelewengan dana awam luar bandar bernilai kira-kira RM1.5 bilion di negeri ini antara tahun 2010 hingga 2016.

Sebelum ini BH melaporkan sebanyak 350 projek KKLW membabitkan 170 projek bekalan air, jalan raya (163 projek) dan bekalan elektrik (17) di sembilan daerah di Sabah membabitkan kos keseluruhan kira-kira RM7.5 bilion dipantau SPRM.

Selain di Semporna, satu lagi projek bekalan air yang turut dipantau agensi itu ialah pemasangan paip dasar laut untuk menyalurkan air bersih ke Pulau Gaya dari tanah besar di sini.

Projek bernilai RM93 juta itu siap pada 13 September 2015 selepas dilaksanakan mulai 26 Disember 2011 menerusi peruntukan KKLW.

Ketua Kampung Pulau Gaya Asli, Nawawi Aripin, ketika dihubungi BH, berkata penduduk pulau itu yang majoritinya adalah nelayan menaruh harapan tinggi masalah air dihadapi mereka selesai dengan pelaksanaan projek berkenaan enam tahun lalu.

"Apabila siap pada tahun 2015, tiada paip untuk mengagihkan air ke semua kampung di pulau ini. Air hanya sampai di tangki besar di atas bukit selain ke sekolah dan resort yang ada di pulau ini.

"Sudah banyak kali kami mengajukan perkara ini kepada pihak berkuasa termasuk Jabatan Air Negeri Sabah dan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK), namun sehingga kini tiada tindakan diambil," katanya.

Keadaan itu, katanya memaksa penduduk di pulau berkenaan membeli air yang dijual peniaga mengangkut air dari tanah besar menggunakan bot dengan harga yang tinggi iaitu RM7 setong (200 liter).

Beliau berkata, setiap rumah biasanya memerlukan tiga tong air untuk keperluan tiga hari atau purata 30 tong sebulan dengan kos boleh mencecah lebih RM200.



FARID Idris Khan dihadapkan ke Mahkamah Sesyen di Alor Setar, hari ini, atas tiga tuduhan rasuah bernilai keseluruhan RM135,000 berkaitan kuota beras ST15, dua tahun lalu.

8. Rasuah kuota beras: 2 kontraktor diarah bela diri

ALOR SETAR: Mahkamah Sesyen di sini hari ini mengarahkan dua kontraktor membela diri terhadap tiga tuduhan rasuah bernilai keseluruhan RM135,000 berkaitan kuota beras ST15, dua tahun lalu.

Keputusan dibuat Hakim Zainol Rashid Hussain ke atas Nor Azamuddin Ahmad, 47, dan Farid Idris Khan, 36, selepas mahkamah mendapati pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap mereka.

Nor Azamuddin didakwa atas tiga tuduhan menerima rasuah, setiap satu membabitkan nilai RM45,000 daripada seorang lelaki bergelar Datuk yang juga pemilik sebuah syarikat.

Suapan itu diterima tertuduh di No 69, Persiaran KTC 4/3, Kulim Techno City Golf View di Kulim Hi Tech Park, Kulim, antara 4 Mei hingga 2 Julai 2014.

Ia sebagai dorongan mendapatkan kuota bulanan beras ST15 sebanyak 100 tan metrik bagi perniagaan MNS Utara Enterprise dan perniagaan MFM Utara Enterprise daripada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009, boleh dihukum mengikut Seksyen 24 akta sama yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali nilai suapan.

Farid pula didakwa mengikut Seksyen 16(a)(A) Akta SPM 2009 dibaca bersama Seksyen 28 akta sama kerana bersubhat atas ketiga-tiga pertuduhan dihadapi Nor Azamuddin.

Dia boleh dihukum mengikut Seksyen 24 Akta SPRM 2009 yang memperuntukkan penjara sehingga 20 tahun dan denda tidak kurang lima kali ganda nilai suapan.

Mahkamah menetapkan 23 Oktober ini untuk kedua-dua tertuduh mengemukakan pembelaan. Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, A Hafiiizh Abu Bakar, manakala tertuduh diwakili peguam, Ang Chun Pun.

9. Sokong SPRM siasat kes seleweng dana awam di Sabah

KOTA KINABALU: Tindakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyiasat secara terperinci termasuk menahan suspek ada kaitan penyelewengan dana awam luar bandar di Sabah wajar disokong semua pihak.

EXCO Pemuda UMNO, Datuk Armizan Mohd Ali, berkata tindakan itu sudah lama ditunggu selepas pelbagai cerita berkaitan salah guna kuasa dalam kementerian yang disiasat tersebar sejak Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Luar Bandar diwujudkan pada 2010.

Katanya, ketika itu banyak isu berkaitan projek diselia kementerian terbabit yang tertangguh, tidak siap, selain ada yang dilaporkan siap tetapi tidak dapat digunakan oleh rakyat.

"Amat malang sekali ada segelintir pihak memilih untuk membawa pelbagai teori konspirasi sebagai reaksi kepada beberapa siri tangkapan dan siasatan terbaru SPRM.

"Siasatan lanjut berhubung isu dana kerajaan Persekutuan untuk infrastruktur rakyat luar bandar di Sabah yang didakwa disalah guna dipesongkan dari isu sebenar.

"Ia dikatakan 'witch hunt', 'occupational hazards' dan banyak lagi. Apa yang penting, isu utama adalah siasatan ini membabitkan dana awam yang cukup besar.

"Ia satu kezaliman dan pengkhianatan kepada rakyat khususnya di luar bandar," katanya dalam kenyataan, di sini, hari ini.

Armizan yang juga Ketua Pemuda UMNO Papar, berkata penyelewengan dana awam di negeri ini sangat menyedihkan, lebih-lebih lagi ia disyaki dilakukan anak tempatan Sabah sendiri.

Sehubungan itu, katanya, SPRM perlu diberi ruang sepenuhnya untuk meneruskan siasatan demi kepentingan rakyat luar bandar di Sabah.

"Jumlah penyelewangan yang disiasat amat besar mencecah bilion ringgit. Bayangkan berapa ramai rakyat luar bandar di Sabah yang dizalimi dan dinafikan hak akibat penyelewengan ini.

"Peruntukan besar NKRA Luar Bandar yang diberikan kerajaan Pusat sepatutnya boleh menyelesaikan isu bekalan air, elektrik dan jalan raya kampung untuk ratusan ribu masyarakat luar bandar di Sabah di antara 2010 hingga 2015," katanya.

10. Buka siasatan hasil 'Watergate' Sabah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengesahkan membuka siasatan skandal terbaru di Sabah selepas menyelesaikan kes penyelewengan terbesar 'Watergate' negeri sama pada tahun lalu.

Ketua Pesuruhjaya SPM, Tan Sri Dzulkifli Ahmad, berkata mereka memperolehi pelbagai maklumat khususnya daripada penduduk negeri itu mengenai gejala rasuah.

"Selepas menjalankan siasatan kes 'Watergate' ramai pihak datang kepada kami untuk mendedahkan isu rasuah di negeri itu termasuk pendedahan terbaru berkaitan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

"Ketika ini kami memfokuskan kepada penyelewengan RM1.5 bilion daripada RM7.5 bilion peruntukan dana awam kepada kerajaan pusat khusus untuk pembangunan di Sabah," katanya dalam sidang akhbar pratonton teater Bahara Emas.

Ditanya sebab SPM berfokus kepada Sabah, beliau berkata, tindakan serupa akan berlaku di negeri lain cuma pihaknya tidak mempunyai anggota yang cukup.

"Sejak 2008 kita dijanjikan seramai 5,000 keanggotaan kerana setakat ini kita hanya ada 3,000 pegawai sahaja termasuk anggota sokongan.

"Oleh sebab itulah kita hanya memfokuskan kes-kes tertentu setakat ini," katanya.

Isnin, 9 Oktober 2017

11.3 ditahan SPRM di Sabah

KUALA LUMPUR: Tiga individu ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi membantu siasatan berhubung penyelewengan dana awam bernilai RM1.5 bilion kepada Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) antara tahun 2009 dan 2015.

Mereka ialah pemimpin sayap pemuda parti politik, seorang daripada mereka bergelar Datuk.

Mereka ditahan pada jam 5 petang tadi.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya SPRM (Operasi), Datuk Seri Azam Baki, ketika dihubungi, mengesahkan perkara itu, namun enggan mengulas lanjut.

12. Sarjan polis wanita didakwa rasuah

PEGAWAI SPRM mengiringi Afifah ke Mahkamah Sesyen Alor Setar untuk dituduh atas kesalahan meminta suapan bernilai RM2,000 daripada seorang lelaki berkaitan kes akta racun pada 15 Disember 2015 lalu.

ALOR SETAR: Seorang anggota polis wanita berpangkat Sarjan didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, sebentar tadi atas dua tuduhan meminta dan menerima rasuah pada dua tahun lalu.

Bagaimanapun, tertuduh, Afifah Zainal Abidin, 28, mengaku tidak bersalah sejurus kedua-dua pertuduhan itu dibacakan di hadapan Hakim Amernudin Ahmad, sekali gus meminta dibicarakan.

Berdasarkan pertuduhan, Afifah didakwa meminta suapan berjumlah RM2,000 daripada Ahmad Termizi Mohd Izham, menerusi panggilan telefon yang mana semasa kejadian Ahmad Termizi berada dalam Bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) daerah Kota Setar.

Tertuduh didakwa melakukan kesalahan itu pada 13 Disember 2015 kira-kira jam 11.40 pagi, ketika bertugas sebagai Penolong Pegawai Penyiasat Jenayah Narkotik di Bahagian Siasatan Jabatan Jenayah Narkotik Daerah Kota Setar, di sini.

Bagi pertuduhan kedua, Afifah didakwa menerima wang suapan berjumlah RM2,000 daripada Ahmad Termizi di Restoran Zeefee, Jalan Pegawai, di sini pada 15 Disember 2015 jam 12.10 tengah hari.

Dua kesalahan itu didakwa dilakukan sebagai dorongan supaya Afifah menangguhkan proses pertuduhan Ahmad Termizi berhubung kesalahan mengikut Seksyen 30(3) Akta Racun 1952 di mahkamah.

Pendakwaan dilakukan Timbalan Pendakwa Raya SPRM, A Hafiiizh Abu Bakar, manakala Afifah diwakili peguam Ruzanna Abdul Halim.

Mahkamah kemudian membenarkan jaminan RM7,000 dengan seorang penjamin dan 13 November depan ditetapkan sebagai tarikh sebutan semula.



Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Bukit Aman, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani menunjukkan gambar Zubir Yahya atau lebih dikenali sebagai Ustaz Zubir yang dikehendaki untuk membantu siasatan berhubung penipuan jualan rumah bernilai RM6.8 juta.

13. Pelakon bergelar Datuk direman lagi

KUALA LUMPUR: Pelakon bergelar Datuk yang ditahan bagi siasatan kes penipuan membabitkan kerugian RM6.2 juta direman sekali lagi.

Kali ini, mahkamah membenarkan permohonan reman selama dua hari bermula hari ini ke atas suspek bersama tiga lagi yang ditahan termasuk seorang wanita.

Ini adalah kali keempat pelakon berkenaan dikenakan tahanan reman selepas melalui proses yang sama selama dua hari di Ampang, Selangor dan di Muar, Johor dan tiga hari di Shah Alam, Selangor sebelum ini.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Acryl Sani Abdullah Sani, berkata pihaknya mengemukakan permohonan berkenaan kepada mahkamah bagi meneruskan siasatan kes penipuan membabitkan dua syarikat yang menawarkan rumah pada harga jauh lebih murah berbanding pasaran.

"Kesemua empat suspek kini ditahan di lokap Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Muda, Sungai Petani, Kedah.

"Kita sedang dalam proses melengkapkan siasatan, kita memohon untuk perintah reman empat suspek terbabit termasuk seorang pelakon bergelar Datuk dan seorang wanita hari ini," katanya dalam satu kenyataan.

Mengulas mengenai perkembangan kes berkenaan, Acryl berkata, pihaknya masih mengesan seorang lagi individu bagi membantu siasatan.

"Kita masih lagi cuba untuk mengesan seorang individu bernama Zubir Yahya atau dikenali sebagai Ustaz Zubir.

"Kepada yang mempunyai maklumat mengenai Ustaz Zubir, diminta tampil memaklumkan kepada polis dengan segera," katanya.

Pada 2 dan 3 Oktober lalu, seorang pelakon bergelar Datuk dan tiga yang lain ditahan susulan 188 laporan polis oleh mangsa yang mendakwa ditipu dua syarikat menawarkan rumah pada harga lebih rendah berbanding harga pasaran, iaitu kira-kira RM60,000 untuk sebuah banglo berkeluasan 1,650 kaki persegi.

Selepas pembeli melunaskan bayaran, syarikat berkenaan tidak menjalankan pembinaan rumah seperti dijanjikan.

Sehingga Jumaat lalu, jumlah laporan polis yang dibuat mangsa bertambah kepada 210 laporan dari seluruh negara, membabitkan projek di Negeri Sembilan, Johor dan Selangor.

Kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu.

14. Ahli politik tiba untuk perintah reman

KOTA KINABALU: Tiga ahli politik yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) petang semalam dibawa ke Mahkamah Majistret, di sini, sebentar tadi bagi mendapatkan perintah tahanan reman.

Dua daripada mereka dibawa masuk ke Mahkamah Majistret 1, di sini pada jam 12.25 tengah hari, manakala suspek ketiga memasuki mahkamah sama lima minit kemudian.

Ketibaan mereka yang berpakaian baju lokap SPRM dengan tangan bergari tidak disedari penyokong yang menunggu di pekarangan mahkamah kerana dibawa masuk melalui laluan belakang Kompleks Mahkamah.

Dua suspek pertama ditahan di SPRM Kota Kinabalu, manakala suspek ketiga ditahan di Tawau, semalam selepas tiba di pejabat SPRM untuk memberi keterangan berkaitan siasatan penyelewengan dana awam Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.



PEGAWAI SPRM mengiringi tiga ahli politik Sabah di Mahkamah Kota Kinabalu, hari ini.

Kira-kira 100 penyokong kelihatan berkumpul di pekarangan mahkamah.

Sementara itu, Unit Simpanan Persekutuan (FRU) berkawal di Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu. Mereka memantau keadaan berikutnya kehadiran ramai penyokong tiga ahli politik berkenaan.



PENGARAH SPRM Terengganu, Mohd Zaki Hassan bergambar bersama orang ramai pada Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Pelancaran Buku Kod Etika dan Tatakelakuan peringkat Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) di Kuala Berang, hari ini. - Foto Rozainah Zakaria

15. Penjawat awam terbabit rasuah meningkat di Terengganu

KUALA BERANG: Seramai 38 dari 44 individu yang ditahan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Terengganu kerana terbabit rasuah dan salah guna kuasa sejak Januari tahun ini hingga Khamis lalu, adalah penjawat awam.

Pengarah SPRM Terengganu, Mohd Zaki Hassan, berkata sebanyak 33 pertuduhan sudah selesai, manakala bakinya iaitu 11 individu masih menunggu tarikh pertuduhan.

"Statistik itu menunjukkan peningkatan jumlah tangkapan dan pertuduhan berbanding hanya 15 tangkapan dengan 18 tuduhan sepanjang tahun lalu," katanya ketika ditemui selepas pada Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dan Pelancaran Buku Kod Etika dan Tatakelakuan peringkat Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) di sini, hari ini.

Yang turut hadir adalah Timbalan Setiausaha Kerajaan negeri (Pengurusan Sumber Manusia), Marzuki Endut dan Yang Dipertua MDHT, Osman A.Bakar.

MDHT adalah Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) ketiga di negeri ini yang menandatangani IBR, selepas Majlis Perbandaran Dungun (MPD) dan Majlis Perbandaran Kemaman (MPK).

Mohd Zaki berkata, walaupun berlaku peningkatan kes tangkapan rasuah, tetapi keadaan masih terkawal dan SPRM akan terus mengadakan program untuk meminimumkan perbuatan itu.

Katanya, kebanyakan kes tangkapan rasuah adalah hasil dari maklumat orang ramai selain melalui saluran dari Sahabat Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang dilancarkan Ogos lalu.

Ketika mengulas jumlah keahlian GERAH di negeri ini, Mohd Zaki berkata, setakat ini lebih 4,635 membabitkan individu terutama golongan belia mendaftar sebagai ahli GERAH.



16. Kerajaan belanja RM178.9b untuk kesihatan - PM

KUALA LUMPUR: Kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha serta membelanjakan RM178.9 bilion sejak 2009 bagi menyediakan perkhidmatan kesihatan berkualiti untuk rakyat.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata satu daripadanya adalah inisiatif Klinik 1Malaysia, yang diperkenalkan pada 2010 dan telah berkembang sehingga mempunyai 361 cawangan di seluruh negara.

"Klinik 1Malaysia ditempatkan di lokasi strategik seluruh negara, dibuka tujuh hari seminggu dari 10 pagi hingga 10 malam dan menawarkan rawatan ringan pada caj cuma RM1, malah percuma buat warga emas dan orang kelainan upaya.

"Baru-baru ini juga, saya ada baca perkongsian di media sosial mengenai bagaimana Klinik 1Malaysia menyelamatkan nyawa pesakit akibat alahan kepada lebah, melalui diagnosis tepat keadaan pesakit dan bermacam-macam lagi," katanya menerusi catatan dalam blog beliau najibrazak.com, malam ini.

Najib berkata, tambahan kepada itu, kerajaan turut mengumumkan banyak kemudahan dan fasiliti lain buat rakyat Malaysia seperti membina dan menaik taraf enam buah hospital di Perak, Sarawak, Kelantan, Kedah dan Sabah.

Beliau berkata, pusat kanser dan pusat jantung juga disediakan di hospital utama di setiap zon, yang memberi rawatan kepada lebih 300,000 pesakit.

Selain itu, kerajaan memperuntukkan RM50 juta setiap tahun bagi meringankan kos rawatan hemodialisis yang memanfaatkan 1.5 juta pesakit.

"Pada masa sama, kerajaan turut melihat kepada penjanaan sektor ekonomi negara dan meningkatkan peluang pekerjaan melalui industri pelancongan kesihatan.

"Pada 2016, industri ini berjaya menjana pendapatan RM1.12 bilion dan kita menasarkan ia untuk menjana RM2.8 bilion menjelang 2020 nanti," katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, Malaysia mempunyai banyak kelebihan bagi pelancongan kesihatan, termasuk kepakaran doktor yang antara terbaik di dunia, perkhidmatan kesihatan yang bukan sahaja lebih berkualiti tetapi juga jauh lebih murah.

"Contohnya, pembedahan pintasan jantung di Amerika Syarikat menelan belanja antara AS\$70,000 dan AS\$200,000, tetapi di Malaysia harga puratanya sekadar AS\$9,000," katanya.

Beliau berkata, semua insiatif itu membolehkan Malaysia dinobatkan sebagai Destinasi Pelancongan Kesihatan dan Perubatan Terbaik dunia selama tiga tahun berturut-turut.

Najib berkata, bagi perkhidmatan kesihatan dalam negara, kerajaan sentiasa melakukan pemantauan, penyelenggaraan dan penambahbaikan bukan sahaja terhadap infrastruktur dan bangunan, malah juga kepada tahap dan kualiti kehidupan kakitangan yang bertugas dalam bidang kesihatan.

"Insya-Allah, semua ini akan diberi perhatian serius dan dipertimbangkan secara mendalam oleh kerajaan supaya rakyat Malaysia akan terus menikmati penjagaan kesihatan berkualiti di mana juga mereka berada," katanya.



PENGERUSI Gerakan Akar Umbi UMNO Malaysia dan Pro BN, Datuk Zulkarnain Mahdar, menunjukkan salinan berita sebuah laman web pada sidang media selepas menghantar maklumat tambahan kes rasuah babitkan peruntukan luar bandar di Sabah, di luar Bangunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Putrajaya.

17. Penyelewengan dana di Sabah: GAUM beri maklumat baharu

PUTRAJAYA: Gerakan Akar Umbi UMNO Malaysia (GAUM) menyerahkan beberapa maklumat baharu kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), hari ini bagi membantu siasatan penyelewengan dana awam berjumlah RM1.5 bilion di Sabah.

Presidennya, Datuk Zulkarnain Mahdar, berkata kehadirannya ke SPM itu adalah atas dasar tanggungjawab sebagai rakyat Sabah dan bukan atas arahan mana-mana orang atasan.

Katanya, isu penyelewangan berkenaan pernah dibangkitkan sejak 2011 oleh beberapa individu lain, termasuk Ahli Parlimen Kota Kinabalu, Dr Hiew King Cheu dari DAP dan Angkatan Muda Keadilan Sabah.

"Kami tampil untuk memberi maklumat tambahan mengenai isu yang hangat diperkatakan kini, namun saya tidak dapat mendedahkan maklumat berkenaan secara terperinci."

"Saya juga bersedia jika dipanggil oleh SPM untuk membantu penyiasatan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas memberikan maklumat tambahan berkaitan siasatan yang sedang dijalankan SPM itu di ibu pejabat SPM, di sini.

Zulkarnain berkata, walaupun laporan sudah dibuat sejak 2011 tetapi kebiasaannya SPM perlu meneliti terlebih dahulu laporan yang diberikan itu sebelum tindakan diambil.

"Kebetulan tangkapan dibuat pada waktu ini yang dikatakan waktu yang hampir untuk pilihan raya. Perkara ini digunakan oleh pihak tidak bertanggungjawab untuk memanipulasi cerita kononnya BN mempergunakan SPRM.

"Kita sedia maklum dengan kredibiliti SPRM menjalankan tugas tanpa mengira pangkat atau fahaman politik seseorang individu. Jika individu berkenaan terbabit, dia harus disiasat," katanya.

Sehingga kini, enam individu sudah ditahan bagi membantu siasatan kes penyelewengan dana untuk projek luar bandar di Sabah itu yang disalurkan melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dari tahun 2010 hingga 2016.



Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

18. RM70 juta bina Politeknik Kota Belud

KOTA BELUD: Sebuah Politeknik yang mampu menempatkan lebih 1,000 pelajar akan dibina di tapak seluas 12 hektar di Kampung Kesapang, dalam daerah ini.

Projek dianggarkan bernilai RM70 juta itu akan menjadi sebahagian prasarana utama dalam pembangunan pusat bandar kedua Kota Belud pada masa akan datang.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata proses pengambilan tanah berjalan lancar dan mendapat kerjasama baik daripada pihak Pejabat Daerah Kota Belud.

"Pembinaan Politeknik ini adalah sebahagian usaha kerajaan untuk menyediakan kemudahan pendidikan lebih baik buat anak Kota Belud. Sebelum ini daerah berhampiran seperti Kota Marudu dan Kudat sudah mempunyai institusi pengajian tinggi awam (IPTA), namun tiada di Kota Belud.

"Alhamdulillah kerajaan memberi peruntukan dan kita menjangkakan projek pembinaan Politeknik ini dapat disiapkan pada tahun 2021," katanya kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke tapak projek berkenaan, hari ini.

Dalam perkembangan lain, Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, berkata kerajaan menyediakan peruntukan sebanyak RM80 juta bagi menjalankan kerja membaik pulih serta mendalamkan dua sungai di daerah ini bagi mengatasi masalah banjir kilat.



ABDUL Rahman (tiga dari kanan) meneliti pelan Politeknik Kota Belud yang akan dibina di Kampung Kesapang, Kota Belud. - Foto Ihsan Pejabat Ahli Parliment Kota Belud

Beliau berkata, kekerapan banjir kilat di daerah ini, terutama di kawasan berhampiran sungai antara lain disebabkan aliran air tidak lancar berikutan keadaan sungai cetek kesan runtuhan batuan dan pasir ketika gempa bumi di Gunung Kinabalu, lebih dua tahun lalu.

"Gegaran disebabkan gempa bumi pada tahun 2015 menyebabkan ratusan ribu tan batu dan pasir mengalir ke hilir hingga mengakibatkan sungai menjadi cetek dan aliran air tidak lancar, sekali gus banjir semakin kerap walaupun hujan sedikit.

"Sehubungan itu, kita melakukan usaha mendalamkan lagi sungai di kawasan kampung yang kerap dilanda banjir bagi menangani masalah terbabit," katanya yang turut meninjau kerja mengorek pasir di Sungai Tempasuk dekat Kampung Bobot.

Sementara itu, Abdul Rahman berkata, dianggarkan 69 peratus liputan kawasan di daerah ini telah menerima air bersih dan terawat susulan pelbagai usaha dilakukan kerajaan.

"Berbanding 10 tahun dulu, keadaan sekarang jauh lebih baik apabila semakin banyak kawasan menerima bekalan air bersih dengan tekanan air lebih baik.

"Sepanjang tempoh itu, kerajaan membelanjakan ratusan juta ringgit untuk menambah baik projek bekalan air," katanya.



SUBRAMANIAM (tengah) bertanya khabar kepada pesakit semasa menyampaikan sumbangan sempena perayaan Deepavali di Hospital Segamat.

19. Kontraktor baharu dilantik siapkan hospital 'sakit'

SEGAMAT: Kementerian Kesihatan sudah melantik kontraktor baharu bagi menyiapkan pembinaan enam hospital yang dikatakan sedang 'sakit' disebabkan beberapa faktor tertentu.

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam, berkata dengan perlantikan kontraktor baharu itu, pihaknya yakin isu itu dapat diselesaikan dan projek itu dapat disiapkan menjelang 2020 dan mengikut jadual.

Katanya, antara lokasi projek hospital yang terjejas pembinaannya ialah di Rembau, Negeri Sembilan dan Bera, Pahang.

"Faktor tidak mempunyai modal mencukupi dan kurangnya pengalaman, antara sebab utama kontraktor terdahulu gagal menyiapkan projek hospital terbabit yang kemudian dihentikan kontrak mereka serta merta.

"Isu pemilihan kontraktor berkelayakan adalah penting bagi memastikan perjalanan projek lancar dan disiapkan mengikut jadual," katanya.



SUBRAMANIAM (tengah) menyampaikan sumbangan kepada pesakit sempena perayaan Deepavali ketika melawat Hospital Segamat.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada majlis penyampaian sumbangan kepada 300 pesakit di wad Hospital Segamat sempena sambutan Deepavali di sini, hari ini.

Yang hadir sama, Pengarah Hospital Segamat, Dr Mokhtar Ahmad; Ketua Wanita UMNO Bahagian Segamat, Puspa Hairani Hassan dan Ketua Wanita UMNO Bahagian Labis, Haslinda Salleh.

Sebelum ini, dilaporkan Subramaniam berkata terdapat lima hingga enam hospital 'sakit' yang gagal disiapkan mengikut jadual atas faktor tertentu.

Katanya, ada daripada hospital berkenaan dikategorikan sebagai 'sangat sakit' dan ada yang hanya 'sakit sedikit'.

Subramaniam berkata, pihaknya akan lebih peka dalam isu pemilihan pada masa depan, yang mengutamakan kontraktor berpengalaman dalam pembinaan hospital baharu.



DATUK Wira Ab Ghaffar A. Tambi (tiga dari kiri) memotong pulut kuning pada majlis perasmian pejabat baru Jabatan Warisan Negara Zon Selatan sambil diperhatikan oleh Mesran Mohd Yusop (dua dari kiri) dan Ghazale Muhamad (tiga dari kanan) di MOTAC, Ayer Keroh. - Foto Khairunisah Lokman

20. Bongkar khazanah warisan bawah laut

AYER KEROH: Jabatan Warisan Negara sedang melakukan penyelidikan khazanah warisan bawah laut bagi melihat sejarah dan kepentingan perdagangan negara pada masa lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Wira Ab Ghaffar A Tambi, berkata usaha yang sudah lama ditinggalkan itu perlu digiatkan semula kerana dikhuatiri artifak berharga di dasar laut dicuri untuk kepentingan peribadi.

"Sebab itu aktiviti ini (membongkar khazanah laut) menjadi elemen utama yang ditekankan pihak kita dan kini sedang dalam usaha menyelamatkan warisan berharga milik kerajaan, selain ia perlu diwartakan.

"Kerjasama Jabatan Warisan Negara dengan universiti tempatan misalnya, menjadi fokus utama untuk mengukuh dan membangunkan bidang penyelidikan bawah laut yang akan memberi manfaat terhadap perkongsian sumber dan data yang sangat berharga untuk warisan negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program Bicara Warisan Negeri Melaka 2017 dan Perasmian Pejabat Jabatan Warisan Negara Zon Selatan di Auditorium Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan negeri di sini, hari ini.



DATUK Wira Ab Ghaffar A. Tambi (dua dari kiri) menerima cenderahati daripada Mesran Mohd Yusop (kiri) sambil diperhatikan oleh Datuk Ghazale Muhamad (dua dari kanan) dan Timbalan EXCO Pembangunan Belia dan Warisan negeri, Datuk Norpipah Abdol (kiri) pada Program Bicara Warisan Negeri Melaka 2017 : Pemuliharaan dan Penguatkuasaan Warisan di MOTAC, Ayer Keroh. - Foto Khairunisah Lokman

Yang turut hadir, Timbalan EXCO Pelancongan, Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau negeri, Datuk Ghazale Muhamad dan Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Warisan Negara, Mesran Mohd Yusop.

Dalam perkembangan lain, Mesran berkata, bangunan lama yang menempatkan sebuah bank sebelum ini di Bandar Hilir akan dijadikan Galeri Warisan Kota Melaka dan dijangka siap sepenuhnya tahun depan.

Katanya, sebanyak RM7 juta diperuntukkan kepada negeri Melaka bagi membangunkan galeri terbabit yang akan mempamerkan perincian hasil penyelidikan Warisan Kota Melaka yang ditemui.

"Galeri yang akan mula dibangunkan pada bulan ini itu turut mempamerkan hasil penyelidikan jajaran tembok Kota Melaka.

"Bagaimanapun, objektif utamanya adalah bagi menemukan bukti peninggalan sejarah yang berusia hampir 500 tahun," katanya.

21. Kerajaan perkenal Strategi 'Cloud First'

PUTRAJAYA: Kerajaan akan memperkenalkan Strategi 'Cloud First' (Perkomputeran Awan Pertama) dalam agenda nasional, bermula dengan sektor awam, ke arah transformasi digital dalam organisasi kerajaan, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, perkomputeran awan akan membolehkan kerajaan menyampaikan perkhidmatan yang inovatif kepada rakyat dengan lebih cepat tanpa perlu menanggung perbelanjaan besar untuk pelaburan kemudahan teknologi maklumat seperti pusat data, pelayan dan penstoran.

"Ini membolehkan kerajaan untuk memperuntukkan sumber bagi program yang lebih memberi impak kepada rakyat.

"Pelaksanaan strategi ini membuktikan kerajaan mengambil langkah menerajui transformasi digital," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia Ke-29 di Perdana Putra di sini, hari ini.

Selain itu, Perdana Menteri berkata, Malaysia akan membangunkan Rangka Kerja Kepintaran Buatan (AI) Kebangsaan, yang akan diterajui Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC), dan ini adalah peluasan kepada Rangka Kerja Analitik Big Data (BDA) Kebangsaan.

Dalam peringkat industri yang lebih besar, kerajaan katanya, akan mewujudkan Program Pemecutan Transformasi Digital (D-TAP) untuk syarikat besar dan pertengahan yang akan menyumbang kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 63.4 peratus.

"Bagi mempercepatkan transformasi, kita akan melantik Makmal Transformasi Digital untuk menyediakan khidmat rundingan dan membantu dalam prototaip produk dan perkhidmatan digital baharu.

"Makmal ini kemudian akan memadankan syarikat yang mengambil bahagian dan syarikat digital," katanya.



PERDANA Menteri, Datuk Seri Najib Razak mempengerusikan Mesyuarat Majlis Pelaksanaan Koridor Raya Multimedia (MSC) Malaysia Ke-29 di Perdana Putra di Putrajaya, hari ini.



SETIAUSAHA Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan Kementerian Kerja Raya (KKR), Zureen Zubir (barisan kedua lima kiri) bergambar bersama peserta sesi motivasi kepada kursus transformasi diri dan semangat berpasukan pegawai Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan di Hotel Marina Cove, Teluk Batik. - Foto Mohd Idris Sulaiman

22. Jawatankuasa saring kontraktor projek sakit ditubuh

LUMUT: Kementerian Kerja Raya menujuhan Jawatankuasa Saringan Kontraktor Penyiap (JSKP) bagi mengatasi masalah projek sakit termasuk tapisan kontraktor oleh Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM).

Proses tapisan berkenaan dilakukan sebelum kontraktor terpilih yang dilantik menerima tawaran melaksanakan projek ditawarkan.

Setiausaha Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU) kementerian berkenaan, Zureen Zubir, berkata melalui JSKP, pemilihan kontraktor hanya mengambil masa tiga bulan berbanding enam bulan sekarang.

"Ia sekali gus dapat mempercepatkan kerja pelaksanaan projek," katanya selepas merasmikan kursus transformasi diri dan semangat berpasukan pegawai Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan di sini, hari ini.

Beliau berkata, saringan SPRM penting untuk memastikan kontraktor yang dilantik benar-benar layak dan tidak pernah gagal menyiapkan projek sebelum ini.

Katanya, ahli JSKP terdiri daripada Ketua Setiausaha Kementerian berkenaan, Unit Pelaksanaan dan Penyelarasaran Jabatan Perdana Menteri dan wakil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB).

"JSKP ini khusus untuk projek sakit supaya kontraktor yang dipilih benar-benar berkeupayaan serta mempunyai integriti yang tinggi," katanya.

Sementara itu, Zureen berkata, BPKU komited memperkasakan kontraktor wanita supaya mereka berwibawa dan berdaya saing hingga ke peringkat global.

Pihaknya juga, beliau berkata, komited melahirkan kontraktor Melayu dengan ilmu pengetahuan, kemahiran serta kepakaran teknikal secukupnya.

"Ia agar mereka dapat duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kontraktor kaum lain, tidak terlalu bergantung kepada status Bumiputra untuk mendapatkan tender kerajaan dan merebut peluang pasaran lebih terbuka.

"Kontraktor Melayu juga sewajarnya mengutamakan disiplin diri, menghayati amalan perniagaan beretika serta menjadikan kegagalan lampau sebagai pengajaran untuk lebih berjaya pada masa depan," katanya.

Zureen berkata, BPKU menyediakan beberapa program bagi membantu kontraktor Melayu dan Bumiputera seperti Program Padanan serta Dasar Pengagihan Kerja kepada kontraktor Bumiputera Kelas E (G2) dan Kelas F (G1).

Katanya, kontraktor Bumiputera juga harus berani menghadapi risiko menceburkan diri dalam bidang atau pasaran baharu dan tidak hanya bergantung kepada sektor pembinaan.

"Sebagai contoh, teroka bidang seperti teknologi pertanian, petroleum dan gas atau teknologi komunikasi dan multimedia," katanya.



SHAHIDAN (kanan) bersama Abdul Rashid (kiri) pada sidang media selepas taklimat ringkas bencana banjir di Sabah di KKIA, Kota Kinabalu, malam ini.

23. Kerajaan cadang CDERT diperluas di Sabah

KOTA KINABALU: Kerajaan bercadang memperluaskan Pasukan Tindakbalas Kecemasan Pertahanan Awam (CDERT) peringkat komuniti di Sabah menerusi penyertaan aktif penduduk setempat dalam operasi bantuan awal bencana alam di negeri ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Shahidan Kassim, berkata pembentukan pasukan itu penting bagi memastikan ada pihak mengurus bencana di peringkat kampung sebelum ketibaan agensi bantuan kerajaan.

Katanya, menerusi CDERT, penduduk dapat memastikan segala keperluan atau aset bagi menghadapi bencana dapat disediakan lebih awal, khususnya untuk berdepan dengan situasi bencana yang besar.

"Jawatankuasa bencana seperti CDERT mesti ada di setiap kampung atau komuniti untuk mengurus bencana di peringkat komuniti masing-masing," katanya kepada media setibanya di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), sebentar tadi.

Beliau tiba di sini untuk meninjau keadaan mangsa banjir di pusat pemindahan sementara di Kota Belud dan mangsa tanah runtuh di Penampang, malam ini.

Shahidan turut mendengar taklimat bencana banjir dan tanah runtuh di Sabah yang disampaikan Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) Sabah.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Datuk Abdul Rashid Harun.

Sementara itu, Shahidan berkata, kerajaan memperuntukkan RM2 juta untuk membantu mangsa bencana di seluruh negara pada tahun ini termasuk untuk mangsa banjir dan tanah runtuhan di Sabah.

Bagi kejadian banjir di Kota Belud yang menjelaskan lebih 2,000 penduduk dan kawasan lain yang terjejas katanya, operasi bantuan dan menyelamat sudah digerakkan sejak awal untuk memantau keadaan.

"Semua pihak termasuk NADMA, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), bomba, polis dan tentera dibabitkan dalam operasi bantuan bagi memastikan mangsa semua selamat dan menerima bantuan yang sewajarnya," katanya.



ISU projek SK Pulau Seduku di Lingga, Sri Aman lewat siap, mendapat tumpuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).- Foto Rudi Affendi Khalik

24. Isu SK Pulau Seduku terbengkalai: SPRM kumpul maklumat

KUCHING: Isu projek Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Seduku di Lingga, Sri Aman lewat siap, mendapat tumpuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

Difahamkan, suruhanjaya berkenaan sudah mula mengumpul maklumat khusus bagi mengenalpasti punca pembinaan gagal disiapkan mengikut jadual, termasuk pihak berkaitan projek berkenaan.

Sumber SPRM memberitahu BH, proses itu dimulakan sejurus isu berkenaan mendapat liputan meluas media.

Selain itu, paparan rakaman visual guru dan murid yang terpaksa menempuh ombak besar Sungai Batang Luper untuk kembali ke sekolah sedia ada di Pulau Seduku, juga viral di laman sosial.

"Sehingga hari ini, beberapa pihak sudah dihubungi bagi mendapatkan maklumat lanjut berhubung isu berkenaan. Kita (SPRM) agak 'berminat' dengan kes ini.

"Pada dasarnya, wujud asas penyelewengan yang kukuh," katanya ketika dihubungi hari ini.

BH sebelum ini melaporkan 12 guru bersama 26 murid SK Pulau Seduku 'bersabung nyawa' hampir setiap hujung minggu mengharungi ombak besar, selain ancaman buaya ketika berulang-alik antara sekolah ke pekan berhampiran.

Ia antara cabaran dihadapi guru sekolah pedalaman itu serta muridnya dalam memburu ilmu sehingga ada yang terpaksa berpisah dengan ibu bapa seawal usia tujuh tahun dan tinggal di asrama disebabkan kekangan logistik.

Kisah mereka viral di laman sosial sejak Ahad lalu, termasuk kebimbangan ibu bapa apabila anak mereka terpaksa meredah ribut dan keadaan sungai yang bergelora untuk kembali ke sekolah.

Pada 2015, Kementerian Pendidikan meluluskan pembinaan sekolah baharu berharga RM8.2 juta bagi menampung keperluan guru dan murid SK Pulau Seduku.

Ia menggunakan kaedah sistem binaan berindustri (IBS) di bawah Rancangan Malaysia Ke-10.

Bagaimanapun, pelaksanaan projek berkenaan tertangguh dua tahun disebabkan masalah dihadapi kontraktor, selain dua kali diberikan tarikh akhir untuk disiapkan, masing-masing Januari dan Julai lalu, namun masih gagal.

Difahamkan, kontraktor terbabit juga berusaha memohon tarikh penangguhan baharu daripada Kementerian Pendidikan sehingga Jun 2018 dengan mengemukakan beberapa alasan yang disifatkan tidak rasional.

Sementara itu, Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) SK Pulau Seduku, Datuk Wan Abdillah Adruce Wan Abdul Rahman ketika dihubungi, berkata pembinaan sekolah baharu itu sepatutnya boleh siap dalam tempoh singkat.

"Kita dimaklumkan peruntukan disalurkan (Kementerian Pendidikan) lebih daripada mencukupi, namun timbul keraguan mengapa masih gagal siap mengikut tempoh sepatutnya.

"Lebih-lebih lagi fasa pembinaan kini sudah mencecah 90 peratus. Baki projek hanya proses pendawaian, pemasangan jubin, tandas, bumbung dan beberapa infrastruktur asas, selain perincian. Kita tidak tahu apa berlaku, ini perlu disiasat," katanya.

Wan Abdillah berkata, kegagalan projek berkenaan disiapkan mengikut tempoh ditetapkan adalah penganiayaan kepada guru dan murid berkenaan yang begitu lama menunggu sekolah baharu mereka.

"Kita khuatir dengan keselamatan mereka yang hampir setiap minggu menempuh ombak deras dan ancaman buaya. Mereka sudah lama dijanjikan sekolah baharu, sampai bila lagi harus mereka menunggu.

"Biar kita bersuara awal, bukan selepas tragedi. Ini hak anak Pulau Seduku untuk menikmati kemudahan pendidikan yang sempurna, lebih selesa dan selamat.

"Jika diikutkan, sekolah baharu itu sepatutnya beroperasi pada permulaan sesi persekolahan tahun ini, namun dilanjutkan sehingga Julai lalu. Namun, sampai sekarang masih tidak disiapkan lagi," katanya.

Difahamkan, guru dan murid berkenaan adalah kumpulan tunggal komuniti di pulau berkenaan yang terletak di tengah-tengah Sungai Batang Luper.

Ia selepas seluruh penduduk Kampung Seduku dipindahkan ke penempatan baharu berhampiran Pekan Lingga apabila kawasan terbabit diwartakan sebagai santuari buaya pada 2012.

Malah, pada waktu tertentu, terutama ketika cuaca panas, terdapat buaya berjemur berhampiran jeti sekolah, selain kawasan padang yang menjadi tumpuan murid melakukan aktiviti riadah dan kokurikulum.



PERDANA MENTERI, DATUK SERI NAJIB RAZAK.

25. 1MDB selesaikan perjanjian berat sebelah: PM

KUALA LUMPUR: 1Malaysia Development Berhad (1MDB) bakal menjana keuntungan untuk rakyat selepas program rasionalisasinya selesai, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, ia tidak termasuk segala usaha tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakannya selama bertahun-tahun.

Beliau menegaskan, dakwaan kononnya cukai barang dan perkhidmatan (GST) diperlukan bagi membayar 1MDB adalah pembohongan besar, malah penipuan itu disedari sendiri oleh ahli politik yang membuat dakwaan terbabit.

"1MDB sebenarnya memainkan peranan penting dalam menyelesaikan perjanjian kuasa berat sebelah yang ditandatangani oleh seorang bekas pemimpin.

"Apabila 1MDB memasuki industri itu, ia adalah pembida terendah dalam semua perjanjiannya. Dengan itu ia menjimatkan Malaysia sebanyak RM200 bilion dalam 20 tahun akan datang.

"Malah, satu laporan firma penyelidikan mengenai perjanjian kuasa yang disemak semula ini diberi tajuk 'Tiada Lagi Perjanjian Pilih Kasih', katanya dalam entri bertajuk 'Ke Arah Malaysia Yang Lebih Kuat dan Berdaya Saing' menerusi blog najibrazak.com, hari ini.

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, 1MDB turut membiayai pembinaan dan penambahbaikan lapan pangkalan tentera yang tidak dapat dilakukan kerajaan pada masa dahulu.

Selain itu, katanya, ia turut membiayai beribu biasiswa dan perjalanan haji untuk jemaah.

"Memang benar 1MDB mempunyai masalahnya dan kita telah mengambil tindakan merombak pengurusan untuk membetulkan kesilapan serta mengembalikannya kepada keadaan kewangan yang sihat.

"Apabila perjanjian projek Bandar Malaysia ditandatangani, 1MDB dijangka membuat keuntungan lebih daripada cukup untuk menanggung kerugiannya manakala pembohongan rakyat perlu menanggung akibat keputusan 1MDB akan terkubur," katanya.

26. 2 lelaki, 1 wanita ditahan SPRM di Selangor

SHAH ALAM: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hari ini menahan masing-masing seorang bekas kakitangan Pejabat Menteri Besar Selangor dan pemilik syarikat pembekal cenderahati kerana dipercayai terbabit rasuah serta salah guna kuasa dalam pemberian projek membekal cenderahati ke pejabat itu pada tahun 2016.

Sumber berkata suspek pertama yang berusia 38 tahun adalah bekas pembantu tadbir di pejabat berkenaan dan ditahan kira-kira jam 12.30 tengah hari di pejabatnya.

"Suspek disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM16,566 pada tahun 2016 daripada pemilik syarikat cenderahati sebagai balasan mengesyorkan syarikat pembekal cenderahati itu kepada Pejabat Menteri Besar Selangor.

"Pemilik syarikat yang berusia 59 tahun itu pula ditahan kira-kira jam 3.30 petang," katanya.

Turut ditahan adalah isteri kepada pemilik syarikat, yang berusia 52 tahun kerana dipercayai bersekongkol dengan kedua-dua suspek.

Sementara itu, Pengarah SPRM Selangor, Datuk Wan Ramlie Wan Abdullah, ketika dihubungi mengesahkan penahanan itu.

Katanya semua suspek akan direman di Mahkamah Majistret Shah Alam esok.

Khamis, 26 Oktober 2017



Ibu bapa murid SK Pulau Seduku di Lingga, Sri Aman kecewa apabila sekolah baharu dijanjikan masih gagal disiapkan sehingga anak-anak mereka terpaksa 'bersabung nyawa' menuntut ilmu di Lingga, Sri Aman.

27. Sekolah tidak siap: SPRM buka kertas siasatan

KUCHING: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) membuka kertas siasatan berhubung isu kelewatan pembinaan bangunan baru Sekolah Kebangsaan (SK) Pulau Seduku di Lingga, Sri Aman.

Sumber memberitahu BH, pihak suruhanjaya juga akan memanggil beberapa pihak yang terbabit dalam pelaksanaan projek itu untuk merekodkan keterangan mereka bagi membantu proses siasatan.

Ini termasuk pihak pentadbiran sekolah berkenaan bertujuan mengumpulkan maklumat, yang diharapkan dapat membantu mengenal pasti punca kegagalan sekolah baharu itu disiapkan mengikut tempoh ditetapkan Kementerian Pendidikan.

"Berdasarkan maklumat yang diterima, kontraktor sudah diberikan dua tarikh akhir bagi menyiapkan kerja-kerja pembinaan sekolah baharu itu, namun projek itu, dengan kerja pembinaan cuma berbaki kira-kira 10 peratus, masih gagal disiapkan.



Pemandangan di belakang ialah SK Pulau Seduku sedia ada di kawasan santuari buaya di Sungai Batang Luper.

"Siasatan terperinci akan dilakukan bagi mengenal pasti punca kelewatan berkenaan, termasuk sekiranya wujud asas penyelewengan atau pecah amanah dalam pelaksanaan projek berkenaan," katanya.

Difahamkan, pembinaan terpaksa dihentikan berikutan masalah pembayaran antara kontraktor utama dan subkontraktor.

Beliau berkata, pembangunan SK Pulau Seduku menggunakan teknologi sistem binaan industri (IBS) yang sepatutnya tidak mengambil masa lama untuk disiapkan, selain menjimatkan kos pembinaan.

"Namun, kita dimaklumkan ada isu pembayaran antara kontraktor utama dan subkontraktor sehingga menyebabkan projek ini, yang dimulakan pada 2016, tertangguh sebanyak dua kali. Ini akan diperhalusi dan disiasat," katanya.

Isu kelewatan projek SK Pulau Seduku, yang diluluskan Kementerian Pendidikan pada 2015 membabitkan peruntukan keseluruhan RM8.2 juta, mendapat perhatian sejak awal minggu ini.

Ia berikutan rakaman visual memaparkan muridnya terpaksa 'bersabung nyawa' meredah ribut dan ombak besar Sungai Batang Luper untuk kembali ke sekolah asal mereka dari Jeti Pekan Lingga, yang menjadi tular di laman sosial, Ahad lalu.

Malah, keadaan itu adalah rutin murid berkenaan selepas menghabiskan cuti hujung minggu bersama-sama ibu bapa masing-masing yang tinggal di penempatan baharu di Pekan Lingga.

Tidak hanya ombak besar dan arus deras, mereka turut berdepan ancaman buaya sepanjang 30 hingga 40 minit menaiki perahu untuk berulang alik di antara sekolah dan Pekan Lingga pada setiap hujung minggu.

Tinjauan BH di tapak sekolah baru itu baru-baru ini mendapati baki projek hanya membabitkan proses perincian, selain sistem pendawaian, pemasangan jubin, tandas, bumbung dan beberapa infrastruktur asas berkaitan, termasuk padang.

SK Pulau Seduku mempunyai 12 guru dan 26 murid Tahun hingga Tahun 6 dan mereka satu-satunya penduduk di pulau berkenaan selepas keseluruhan penduduk dipindahkan ke penempatan baru di Pekan Lingga pada 2012 apabila kawasan itu digazetkan sebagai santuari buaya.

Kehadiran reptilia ganas itu dapat dilihat dengan jelas, malah ada ketikanya ia turut naik ke jeti sekolah dan kawasan padang untuk berjemur.

28. Direman beri projek bekal cenderahati

SHAH ALAM: Seorang bekas pembantu tadbir di Pejabat Menteri Besar Selangor dan seorang pemilik syarikat serta isterinya ditahan reman tiga hari bermula hari ini.

Ia bagi membolehkan siasatan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menjalankan siasatan membabitkan perbuatan rasuah serta salah guna kuasa dalam pemberian projek membekal cenderahati ke Pejabat Menteri Besar Selangor pada 2016.

Majistret Khairul Nizam Abu Bakar membenarkan permohonan SPRM untuk menahan bekas kakitangan itu, seorang wanita berusia 38 tahun, dan pemilik syarikat cenderahati serta isterinya, yang masing-masing berusia 59 dan 52 tahun untuk disiasat mengikut Seksyen 17 (a) Akta SPRM 2009.

BH Online semalam melaporkan sumber berkata, suspek pertama ditahan kira-kira jam 12.30 tengah hari semalam kerana disyaki menerima wang rasuah berjumlah RM16,566, pada tahun lalu


Wang rasuah itu diterima daripada pemilik syarikat cenderahati sebagai balasan mengesyorkan syarikat pembekal cenderahati itu kepada Pejabat Menteri Besar Selangor.

Pemilik syarikat bersama isterinya yang dipercayai bersekongkol dengan kedua-dua suspek, ditahan kira-kira jam 3.30 petang sama.



Seorang bekas pembantu tadbir pejabat Menteri Besar Selangor (tengah) bersama seorang pemilik syarikat cenderahati (belakang) serta isterinya (depan) direman tiga hari oleh Mahkamah Majistret,

Shah Alam bagi membantu siasatan berhubung perbuatan rasuah dan salah guna kuasa dalam pemberian projek membekal cenderahati ke pejabat Menteri Besar Selangor pada 2016.



29. Kakitangan TNB ditahan SPRM

SEREMBAN: Seorang kakitangan Tenaga Nasional Berhad (TNB) ditahan, semalam kerana dipercayai menerima rasuah bagi mempercepatkan urusan penyambungan bekalan elektrik sebuah rumah, di sini.

Suspek lelaki berusia 38 tahun itu, direman tiga hari bermula hari ini, bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 17(a) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) 2009.

Sumber memberitahu, tertuduh didakwa meminta RM280 daripada seorang lelaki, kelmarin sebagai balasan untuk mempercepatkan penyambungan bekalan di rumah yang baru dibelinya di Taman Tuanku Jaafar, Senawang.

Katanya, pengadu pada 18 September lalu, sudah membuat permohonan penyambungan elektrik dengan bertemu suspek di pejabatnya di bandar ini, namun tiada wakil TNB datang membuat penyambungan.

"Pengadu yang kehairanan kerana terpaksa menunggu lama mengunjungi pejabat TNB dan bertemu semula dengan suspek, kelmarin.

"Suspek kemudian dipercayai meminta bayaran RM280 kononnya bagi membolehkan urusan itu dipercepatkan.

"Pengadu yang tidak berpuas hati membuat laporan kepada SPRM dan suspek ditahan di pejabatnya, petang semalam," katanya, di sini, hari ini.

Katanya, SPRM turut menemui wang tunai RM280 yang dipercayai diterima oleh suspek daripada pengadu ketika penahanan dibuat.



AWANG Adek Hussin semasa sidang media selepas majlis Konvokesyen ke-34 Kolej Poly-Tech Mara (KPTM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

30. Peruntukan terbesar MARA bukti komitmen kerajaan

PUTRAJAYA: Peruntukan RM2.5 bilion, iaitu yang tertinggi pernah diberikan untuk biasiswa pengajian tinggi dan latihan di bawah Majlis Amanah Rakyat (MARA) dalam Bajet 2018 membuktikan komitmen berterusan kerajaan untuk membantu golongan Bumiputera di negara ini dalam sektor pendidikan.

Pengerusi MARA, Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata, peruntukan itu adalah yang terbesar diterima MARA dalam sejarah penubuhannya.

Beliau berkata, seluruh warga MARA menyambut baik pengumuman itu dan terharu dengan keprihatinan kerajaan untuk terus memartabatkan dan memacu pendidikan golongan Bumiputera di negara ini.

"MARA berharap terus dapat memberi sentuhan kepada golongan Bumiputera dan akan mempertingkatkan rangkaian institusi pendidikan MARA bagi mewujudkan persekitaran menarik dan terbaik untuk pelajar.

"Buat masa ini, jenama institusi pendidikan MARA seperti Universiti Kuala Lumpur (UniKL) dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) semakin dikenali dalam pasaran," katanya pada sidang media selepas menyempurnakan Majlis Konvokesyen Ke-34 Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), hari ini.

Katanya, pihaknya juga akan memberi perkhidmatan terbaik dalam membantu golongan Bumiputera di negara ini terutama yang memerlukan bantuan.

Mengulas mengenai peruntukan penyelenggaraan MRSM sebanyak RM50 juta, Awang Adek berkata, bantuan itu akan digunakan sepenuhnya bagi membaik pulih MRSM yang uzur di seluruh negara.

Dalam perkembangan sama, katanya, beliau juga mahu lebih ramai pihak swasta dan korporat tampil menjalinkan hubungan strategik dengan MARA bagi pembinaan MRSM yang baharu sebagaimana dilakukan Petronas bagi pembinaan MRSM di Ranau, Sabah dan Bintulu, Sarawak yang dijangka memberikan manfaat pembangunan pendidikan di negeri berkenaan.



ABDUL Rahman Dahlan (dua dari kiri) melawat gerai-gerai ketika hadir bagi merasmikan Tamu Besar Kota Belud, di Tapak Tamu Mingguan Kota Belud.

31. Sabah terima peruntukan terbanyak

KOTA BELUD: Sabah negeri yang menerima peruntukan pembangunan terbanyak berbanding negeri lain, iaitu sehingga mencecah RM4.533 bilion menerusi Bajet 2018.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan, berkata peruntukan sebesar itu disalurkan sejajar dengan aspirasi Perdana Menteri yang mahu Sabah terus membangun, selari dengan kemajuan negeri lain.

Katanya, Datuk Seri Najib Razak sentiasa memastikan aspek pembangunan dan nasib rakyat di luar bandar seperti di Kota Belud terus terjamin bukan sahaja dalam aspek penambahbaikan jalan, malah sehingga pembinaan infrastruktur yang gah.

"Untuk pembangunan Sabah, selain RM2 billion untuk meneruskan perlaksanaan projek Pan Borneo, RM1bilion akan dibelanjakan untuk membaik pulih sekolah daif, RM1bilion lagi bagi membangunkan infrastruktur komunikasi serta kemudahan jalur lebar.

"Ada lagi, di Sabah dan Sarawak sebanyak RM500 juta akan dibelanjakan untuk projek jalan luar bandar, begitu juga RM300 juta untuk bekalan air bersih," katanya ketika berucap merasmikan Tamu Besar Kota Belud di tapak tamu mingguan di sini, hari ini.

Yang turut hadir ialah Pembantu Menteri Pertanian dan Industri Makanan negeri, Datuk Musbah Jamli; Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kadamaian, Jeremy Malajad dan Pegawai Daerah Kota Belud, Abd Gari Itam.

Abdul Rahman yang juga Ahli Parlimen Kota Belud, berkata kerajaan percaya perbelanjaan yang diumumkan itu akan memangkin ekonomi serta memberi nikmat kesejahteraan kepada penduduk Sabah.

"Ini dibuktikan dengan kadar kemiskinan negeri yang mencecah 2.9 peratus sahaja pada tahun 2016 dan saiz ekonomi berkembang sehingga RM73 billion berbanding hanya RM400 juta pada tahun 1963," katanya.

Dalam konteks Kota Belud, beliau berkata, limpahan ekonomi negeri membolehkan daerah ini merasai pelbagai nikmat pembangunan.

"Tidak lama lagi, masyarakat Kota Belud akan menikmati pembangunan 900 unit Projek Perumahan Rakyat (PPR) yang bakal siap dengan kos RM180 juta dan 100 unit PPR di Pulau Mantanani. Kemudian, Kota Belud mempunyai sebuah dataran serba indah untuk aktiviti kemasyarakatan dengan kos RM5 juta.

"Banyak lagi yang akan dilaksanakan seperti projek Bekalan Air Luar bandar termasuk pemasangan paip dan loji baharu dengan nilai RM104 juta untuk menambah baik prasarana air," katanya.



Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Rahman Dahlan (kiri) bercakap ketika hadir pada Sesi Dialog Usahawan Di Era Revolusi Digital Survival Guide Di Persidangan Daya E-Usahawan 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini.

32. Ekonomi digital sumbang 18.2 peratus KDNK

KUALA LUMPUR: Ekonomi digital menjadi antara penyumbang utama Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) tahun ini, iaitu 18.2 peratus, kata Menteri di Jabatan Menteri Datuk Seri Abdul Rahman Dahlan.

Katanya, lonjakan yang amat memberangsangkan dijangka berterusan selaras inisiatif yang dilaksana kerajaan dalam Bajet 2018 yang dibentangkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Jumaat lalu.

Beliau berkata, kerajaan melaksanakan pelbagai inisiatif supaya usahawan Malaysia mengambil kesempatan menembusi trend pasaran atas talian yang semakin berkembang di dunia.

"Program MDEC (Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia) misalnya, berjaya melahirkan seramai 191,745 usahawan di bawah program E Usahawan dan E Rezeki yang dilatih menjalankan perniagaan online termasuk pemasaran.

"Untuk tujuan itu, sebanyak RM100 juta diperuntukkan kerajaan dalam Bajet 2018 yang dijangka dapat menambah sasaran 150,000 lagi usahawan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dalam sesi dialog bertajuk Gelombang Ekonomi Digital dan Impaknya pada program Konvensyen Daya eUsahawan 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Pada majlis itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak turut menjadi tetamu kehormat sesi dialog Transformasi Nasional 2050 (TN50) yang menampilkan Ketua Pegawai Eksekutif MDEC, Datuk Yasmin Mahmood sebagai moderator.

Konvensyen Daya eUsahawan 2017 anjuran MDeC berlangsung dua hari bermula semalam dihadiri 4,000 usahawan dari seluruh Malaysia yang memanfaatkan perkongsian ilmu dan kemahiran usahawan digital.

Dalam pada itu, Rahman turut menyentuh pelancaran Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) dan Malaysia Digital Hub, Jumaat ini yang menjadi pemangkin dan bakal meletakkan Malaysia sebagai kuasa besar ekonomi digital di mata dunia.

"Sudah pasti usahawan digital kita juga memperoleh manfaat daripada usaha kerajaan memajukan keusahawanan digital menerusi platform DFTZ," katanya.